



Dr Ahmad Farhan dan Nik Nazmi bersama sebahagian peserta yang menyertai sidang Southeast Asia Climate Investment Summit 2024 anjuran Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), UPM, baru-baru ini.

Perubahan iklim cabaran besar dunia perniagaan

UPM beri pendedahan kepada kepentingan kelestarian alam sekitar dalam ekonomi negara

Oleh Noor Eszereen Juferi
bhpendidikan@bh.com.my

Serdang: Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini menganjurkan persidangan berkaitan pelaburan di Asia Tenggara atau Southeast Asia Climate Investment Summit 2024, bagi memberikan pendedahan mengenai kepentingan pelaburan iklim dalam ekonomi negara.

Menyampaikan perkongsian pada sidang itu, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata persidangan itu memberi peluang kepada generasi muda untuk berkongsi pandangan berkenaan perubahan iklim dunia yang kini menjadi cabaran utama perniagaan untuk melaksanakannya secara mesra alam.

“Ia juga menyediakan peluang kepimpinan untuk golongan muda untuk menangani perubahan iklim yang kini menjadi krisis semasa serta ia adalah peluang untuk mempelajari kemahiran terkini selain melahirkan pakar dalam bidang ini,” katanya.

Inisiatif perintis

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Datuk Prof Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah menyifatkan persidangan yang julung kali diajukan ini secara langsung memberikan impak serta menetapkan penanda aras baharu dalam me-

majukan kelestarian dan penjagaan alam sekitar bagi mencapai matlamat kemampanan ekonomi.

“Ini juga adalah inisiatif perintis untuk menyatukan ahli akademik dan industri dalam bidang pelaburan iklim dan universiti turut menyepakati prinsip ini secara konsisten bagi memupuk inisiatif itu dalam mengurangkan kesan kepada alam sekitar,” katanya.

Bagi pengarah program, Muhd Farhan Abdul Rahman berkata, misi penganjuran persidangan ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran secara keseluruhan mengenai pelaburan iklim dan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

“Negara kini sedar kepentingan perubahan iklim terhadap landskap perniagaan yang sebenarnya memberi peluang kerjaya baharu terutamanya kepada graduan kerana menjadi keperluan di setiap pasaran pada masa kini,” katanya.